

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. TAN KEE KWONG  
[ WANGSA MAJU ]**

**TARIKH : 21 MAC 2016**

**SOALAN : Dato' Dr. Tan Kee Kwong [ Wangsa Maju ] minta  
MENTERI LUAR NEGERI menyatakan tentang  
pencerobohan Tentera Republik China terhadap  
kawasan Beting Patinggi Ali (Lucina Shoals).  
Adakah wujud sebarang tindakan ketenteraan  
atau diplomatik.**

## JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Wangsa Maju atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang Di-Pertua,

2. Beting Patinggi Ali terletak kira-kira 80 batu nautika dari Tanjung Baram, Sarawak. Ia berada di dalam kawasan pelantar benua dan Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ) Malaysia berdasarkan peruntukan Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Undang-Undang Laut 1982 atau dengan izin, *United Nations Convention on the Law of the Sea 1982 (UNCLOS 1982)*.

3. UNCLOS 1982 memperuntukkan bahawa sesebuah negara berpantai seperti Malaysia berhak untuk menuntut kawasan pelantar benua dan EEZ sehingga 200 batu nautika.

Tuan Yang Di-Pertua,

4. Malaysia tidak pernah mengiktiraf tuntutan Republik Rakyat China (RRC) ke atas kawasan perairan Malaysia di Laut China Selatan termasuklah di kawasan Beting Patinggi Ali.

5. Malaysia juga tidak pernah menganggap kawasan Beting Patinggi Ali sebagai kawasan yang dipertikaikan atau kawasan di mana wujud "tuntutan bertindih" di antara Malaysia dengan mana-mana negara.

Tuan Yang Di-Pertua,

6. UNCLOS 1982 juga memperuntukkan hak laluan ikhlas atau *innocent passage* di dalam kawasan laut wilayah, serta kebebasan pelayaran atau dengan izin *freedom of navigation* di dalam kawasan maritim sesebuah negara, untuk semua jenis kapal termasuklah kapal perang, kapal penguatkuasa dan kapal pengawal pantai (*coast guard*).

7. Memandangkan kawasan maritim Malaysia di Laut China Selatan merupakan antara laluan perkapalan yang utama di antara timur dan barat, kehadiran kapal asing termasuklah kapal perang adalah tinggi. Selaras dengan prinsip kebebasan pelayaran, kehadiran kapal-kapal asing ini tidak boleh dihalang atau dibantah melainkan kapal-kapal ini melaksanakan aktiviti-aktiviti yang bercanggah dengan prinsip kebebasan pelayaran seperti mengganggu aktiviti perikanan, membuat kajian dan penyelidikan marin dan sebagainya.

8. Bagi memastikan kepentingan negara di Laut China Selatan sentiasa terpelihara, langkah-langkah yang sewajarnya sentiasa diambil termasuklah mengadakan rondaan dan pengawasan serta aktiviti-aktiviti penguatkuasaan.

9. Pada masa kini terdapat kapal-kapal milik Tentera Laut Diraja Malaysia dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia di perairan Beting Patinggi Ali yang melakukan rondaan bagi memastikan kepentingan negara di kawasan tersebut terpelihara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG  
KETIGA BELAS, PENGGAL KEEMPAT, MESYUARAT PERTAMA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL  
GHAPUR BIN HAJI SALLEH**

**[ KALABAKAN ]**

**TARIKH : 21 MAC 2016 (ISNIN)**

**SOALAN : 33**

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur BIN Haji Salleh**

**[ KALABAKAN ] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-**

- (a) berapakah nilai semasa saham FELDA Global Ventures dibandingkan dengan harga tertinggi yang pernah dicapai oleh FGV; dan
- (b) apakah penyebab utama kemerosotan nilai saham tersebut.

**JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,**

**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, nilai saham FELDA Global Ventures Holdings Berhad (FGV) ditutup pada harga RM1.54 pada 3 Mac 2016.

Harga tertinggi yang pernah direkodkan adalah pada hari penyenaian FGV iaitu ditutup pada harga RM5.32 (1 Jun 2012) disebabkan sentimen pasaran komoditi yang baik dan keyakinan pelabur terhadap prospek jangka panjang syarikat. Namun begitu, ketika ini sentimen pasaran komoditi seperti minyak sawit mentah (MSM) kurang memberangsangkan sekali gus memberi impak kepada pemain-pemain industri sawit dunia termasuk FGV.

Harga MSM ketika ini berdepan dengan keadaan tidak menentu dan mencatatkan gaya penurunan sejak dari penghujung 2014. Ketika penyenaian FGV iaitu Jun 2012, harga MSM adalah lebih daripada RM3,000 per tan tetapi harga komoditi berkenaan hanya sekitar RM2,200 per tan pada awal 2016.

Penurunan harga MSM tersebut telah memberi tekanan kepada semua pemain-pemain industri sawit dunia dan dijangkakan terus berlanjutan. Disebabkan persekitaran industri yang mencabar dan prospek kembali pulih masih samar, pelabur-pelabur mula hilang keyakinan terhadap industri sawit. Senario ini telah menyebabkan nilai saham syarikat-

syarikat berasaskan perniagaan sawit mencatatkan gaya penurunan dan FGV merupakan syarikat paling terkesan kerana 75 % perolehannya adalah dari sektor ladang, jauh lebih tinggi berbanding syarikat lain.

Walaupun harga MSM mencatatkan gaya meningkat sejak awal tahun 2016, namun penganalisis industri melihat gaya tersebut agak perlahan dengan jangkaan purata MSM pada 2016 sekitar RM2,400 - RM2,500 per tan metrik.

Selain faktor harga MSM, sentimen pasaran yang kurang baik akibat pelbagai isu sensitif juga telah menyebabkan harga saham FGV tidak mencatatkan prestasi yang baik ketika ini.

Justeru, ketika berdepan dengan persekitaran yang mencabar, FGV giat melaksanakan program transformasinya bagi mengukuhkan syarikat untuk jangka masa pendek, sederhana dan panjang. Kesan pelan transformasi yang dilaksanakan telah berjaya mengurangkan impak tekanan pasaran terhadap syarikat.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD  
[ SHAH ALAM ]**

**TARIKH : 21 MAC 2016 (ISNIN)**

**SOALAN : 34**

**Tuan Haji Khalid bin Abdul Samad [ Shah Alam ] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan status penyiasatan MH370 dan MH17 dan nyatakan keputusan yang dibuat hasil siasatan tersebut.**

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini, penyiasatan berhubung kemalangan udara pesawat MH370 masih lagi dijalankan oleh pasukan penyiasat yang ditubuhkan mengikut *Annex 13, International Civil Aviation Organisation (ICAO) yang dikenali sebagai MH370 Annex 13 Safety Investigation Team*. Dalam hubungan ini, Pasukan Penyiasat telah mengeluarkan *Interim Statement* pada ulangtahun kedua kehilangan pesawat pada 8 Mac 2016.

Manakala penyiasatan bagi MH17 dibahagikan kepada dua iaitu siasatan dari segi teknikal dan jenayah. Berhubung status terkini siasatan teknikal MH17, pihak *Dutch Safety Board (DSB)* telah mengeluarkan laporan akhir pada 13 Oktober 2015 yang mengumumkan hasil siasatan teknikal berhubung nahas pesawat MH17 yang berpunca daripada peledak *warhead* model 9N314M yang digunakan oleh peluru berpandu jenis 9M38 yang dipasang pada peluru berpandu BUK.

Bagi siasatan jenayah pula, ia sedang dilaksanakan oleh *Joint Investigation Team (JIT)* yang diterajui oleh Belanda dan disertai oleh Australia, Belgium, Malaysia dan Ukraine dan dijangka akan berterusan sehingga pertengahan tahun 2016.